Bab 4

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Analisis ini tertumpu kepada penggunaan ayat majmuk bahasa Cina. Jadi pengklasifikasian yang dilakukan turut bergantung kepada pemahaman pengkaji terhadap penggunaan sesebuah ayat majmuk bahasa Cina dalam editorial akhbar Cina tempatan yang terpilih. Sampel kajian dihuraikan dalam dua bahagian. Bahagian pertama memperihalkan jenis ayat majmuk yang mempunyai kekerapan paling tinggi yang digunakan oleh penulis dalam editorial *Sin Chew Daily*. Bahagian kedua memperihalkan kesalahan bahasa khususnya tentang ayat majmuk yang wujud dalam editorial *Sin Chew Daily*.

4.2 Analisis Kekerapan Penggunaan Ayat

Bahagian ini menganalisiskan ayat-ayat yang digunakan dalam editorial *Sin Chew Daily*. Terlebih dahulu data-data yang terkumpul digunakan untuk menjawab soalan kajian pertama:

Soalan Kajian 1 :

Apakah jenis ayat majmuk yang mempunyai kekerapan paling tinggi yang digunakan oleh penulis editorial *Sin Chew Daily*?

4.2.1 Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Analisis membezakan ayat tunggal dengan ayat majmuk telah dilakukan terhadap keseluruhan 563 deretan ayat yang dikumpul. Berdasarkan garis panduan prinsip pembentukan ayat majmuk, iaitu ayat majmuk terbentuk daripada sekurang-kurangnya dua klausa. Prinsip pembentukan ayat tunggal

hanya tertumpu pada satu klausa sahaja, iaitu satu subjek dan satu predikat dalam setiap ayat.

Selepas analisis membezakan ayat tunggal dengan ayat majmuk dilakukan, keputusan mengenai hitungan frekuensi ayat majmuk diperolehi seperti dalam Jadual 4.1 dan Rajah 4.1.

Jadual 4.1 Jumlah Penggunaan Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk dalam Editorial

Editorial	Ayat Tunggal	Ayat Majmuk	Jumlah Ayat	Jumlah perkataan
1	10	16	26	1191
2	8	14	22	1211
3	8	22	30	1233
4	15	19	34	1284
5	8	15	23	1216
6	6	17	23	1225
7	18	13	31	1287
8	16	15	31	1236
9	13	15	28	1227
10	10	20	30	1278
11	10	18	28	1321
12	16	13	29	1220
13	7	22	29	1243
14	12	12	24	1254
15	14	13	27	1253
16	9	19	28	1194
17	7	21	28	1165
18	16	11	27	1212
19	10	18	28	1212
20	22	15	37	1241
Jumlah	235	328	563	24703

Rajah 4.1 Peratusan Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk dalam Editorial



Jadual 4.1 menunjukkan senarai bilangan perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk dalam 20 teks editorial yang terpilih sebagai sumber kajian. Rajah 4.1 pula menunjukkan peratusan penggunaan ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bentuk carta pai.

Jadual 4.1 telah menunjukkan sebanyak 563 deretan ayat telah dikumpul daripada 20 teks editorial. Jumlah perkataan setiap kolum editorial adalah di antara 1100 hingga 1400 patah perkataan. Secara puratanya, setiap editorial mengandungi 1235 patah perkataan.

Berdasarkan Jadual 4.1 dan Rajah 4.1, didapati bahawa terdapat 235 deretan ayat tunggal (41.7%) dan 328 deretan majmuk (58.3%). Jumlah ayat majmuk adalah melebihi 50% daripada jumlah ayat secara keseluruhannya. Perbezaan antara jumlah ayat tunggal dan ayat majmuk adalah sebanyak 93

deretan ayat atau 16.5%. Hasil ini menunjukkan bahawa sifat ayat majmuk lebih sesuai dalam menyampaikan maklumat dengan lebih jelas.

Berdasarkan Jadual 4.1 dan Rajah 4.1, editorial yang mempunyai kekerapan penggunaan ayat majmuk yang tertinggi ialah editorial ke-3 dan ke-13 iaitu 22 deretan ayat (6.6%) diikuti oleh editorial yang ke-17 iaitu 21 deretan ayat (6.3%). Editorial ke-18 pula merupakan editorial yang mempunyai kekerapan penggunaan ayat majmuk yang paling rendah iaitu 11 deretan (3.3%) sahaja. Kekerapan penggunaan ayat majmuk tidak setara kerana bergantung kepada sifat dan jenis maklumat yang disampaikan.

Data yang dikumpul menunjukkan 13 teks (65%) editorial lebih kerap menggunakan ayat majmuk daripada menggunakan ayat tunggal. Dalam erti kata lain, penggunaan ayat majmuk adalah lebih luas berbanding dengan ayat tunggal dalam editorial *Sin Chew Daily*.

4.2.2 Ayat Majmuk Ringkas dan Ayat Majmuk Kompleks

Dalam bab satu, pengkaji telah mengemukakan pengkategorian dua jenis ayat majmuk, iaitu ayat majmuk ringkas yang memerlukan struktur pembentukan ayat yang hanya mengandungi dua buah klausa, manakala ayat majmuk kompleks memerlukan struktur pembentukan ayat yang mengandungi lebih daripada dua buah klausa. Jadi, selepas jumlah ayat majmuk (328 buah) dalam editorial yang terpilih telah dikenalpastikan, maka analisis seterusnya adalah menentukan ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks (sila lihat Jadual 4.2) .

Jadual 4.2 Jumlah Ayat Majmuk Ringkas dan Ayat Majmuk Kompleks dalam Editorial

Editorial	Ayat Majmuk Ringkas	Ayat Majmuk Kompleks	Jumlah Ayat Majmuk
1	5	11	16
2	3	11	14
3	13	9	22
4	10	9	19
5	4	11	15
6	6	11	17
7	7	6	13
8	8	7	15
9	8	7	15
10	9	11	20
11	7	11	18
12	5	8	13
13	14	8	22
14	3	9	12
15	6	7	13
16	10	9	19
17	13	8	21
18	8	3	11
19	11	7	18
20	12	3	15
Jumlah	162	166	328

Rajah 4.2 Peratusan Ayat Majmuk Ringkas dan Ayat Majmuk Kompleks dalam Editorial



. Ayat majmuk ringkas merupakan ayat majmuk yang mempunyai satu lapis manakala ayat majmuk kompleks terdiri daripada ayat majmuk yang pembentukannya lebih daripada satu lapis. Jadual 4.2 dan rajah 4.2 menunjukkan jumlah angka dan peratusan penggunaan ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks dalam editorial *Sin Chew Daily*. Berdasarkan Jadual 4.2 dan Rajah 4.3, didapati bahawa jumlah ayat majmuk ringkas yang dikumpulkan ialah 162 deretan (49.4%) manakala jumlah ayat majmuk kompleks ialah 166 deretan (50.6%). Julat perbezaan antara kedua-dua kategori ini adalah 1.2 % atau 4 deretan ayat. Oleh sebab ayat majmuk ringkas boleh dibahagikan kepada 10 jenis bentuk yang berlainan, maka dalam analisis seterusnya pengkaji akan mengasingkan penggunaan ayat majmuk ringkas ke dalam 10 kategori kecil.

4.2.3 Jenis-jenis Ayat Majmuk Ringkas

Ayat majmuk ringkas dikategorikan kepada 10 jenis dengan berpandukan kepada sifat pembentukan ayat dan penggunaan kata hubung dalam ayat tersebut. Frekuensi bagi hubungan tersebut adalah seperti yang tercatat dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3 Jenis Ayat Majmuk Ringkas

E	J1	J2	J3	J4	J5	J6	J7	J8	J9	J10	Jum	%
1	1	0	0	0	2	0	1	1	0	0	5	3.1
2	1	0	0	0	0	1	0	1	0	0	3	1.9
3	0	0	1	1	1	2	0	8	0	0	13	8.0
4	2	0	0	1	1	1	0	3	1	1	10	6.2
5	0	0	0	1	2	0	1	0	0	0	4	2.5
6	1	0	0	0	0	2	0	2	1	0	6	3.7
7	1	0	1	0	1	0	1	3	0	0	7	4.3
8	1	0	0	0	0	1	0	3	3	0	8	4.9
9	1	0	0	0	2	0	3	0	2	0	8	4.9
10	2	0	0	2	2	0	0	3	0	0	9	5.6
11	0	0	0	0	1	2	0	0	4	0	7	4.3
12	2	0	1	0	0	0	0	2	0	0	5	3.1
13	1	0	0	1	1	3	0	6	2	0	14	8.6
14	0	0	0	0	0	1	0	2	0	0	3	1.9
15	0	0	0	1	1	2	0	2	0	0	6	3.7
16	1	0	0	1	1	5	0	0	1	1	10	6.2
17	2	0	0	0	1	5	1	3	1	0	13	8.0
18	1	0	2	1	0	0	0	4	0	0	8	4.9
19	1	0	0	4	0	3	0	1	2	0	11	6.8
20	1	1	0	1	2	2	0	3	2	0	12	7.4
Jum	19	1	5	14	18	30	7	47	19	2	162	100

Petunjuk:
E: Editorial
Jum: Jumlah
%: Peratusan
J1: Jenis setara
J2: Jenis pilihan
J3: Jenis berterusan
J4: Jenis menaik
J5: Jenis peralihan
J6: Jenis anggapan
J7: Jenis syarat
J8: Jenis sebab akibat
J9: Jenis bertujuan
J10: Jenis keterangan

Berikut merupakan contoh-contoh sepuluh jenis ayat majmuk ringkas yang dipetik daripada sampel kajian. Sila rujuk Lampiran I dan II untuk contoh-contoh lain.

J1: Jenis setara

Contoh 4.1:

因此，企业界裁员的人数减少，失业现象也相对缓和。(E13)
Yīncǐ, qǐyè jiè cáiyuán de rén shù jiǎnshǎo, shíyè xiànxiàng yě xiāngduì huǎnhé.
[Maka], [perusahaan] [lingkungan] [bilangan pekerja telah dikecilkan] [punya]
[orang][bilangan][berkurang],[pengangguran][fenomena][juga][sebaliknya] [berkurangan].
(Maka, pengecilan bilangan pekerja dalam industri perusahaan berkurangan, fenomena pengangguran juga turut berkurangan.)

J2: Jenis pilihan

Contoh 4.2:

他们可以做的包括饲养牛羊和鸡鸭，或是种菜和其他农作物。(E20)
Tāmen kéyǐ zuò de bāokuò sìyǎng niú yáng hé jī yā, huòshì zhòng cài hé qítā nóngzuòwù.
[Mereka] [boleh] [buat] [punya] [termasuk] [membela] [lembu] [kambing] [dan] [ayam] [itik], [atau] [tanam] [sayur] [dan] [lain-lain] [tanaman].
(Tindakan yang boleh dilakukan oleh mereka termasuklah membela lembu, kambing, ayam dan itik, atau menanam sayur dan tanaman lain.)

J3: Jenis berterusan

Contoh 4.3:

在李登辉辞职之后，国民党将暂时由连战任代主席，|较后时才会改选新领导层。(E3)
Zài Lǐ DēngHuī cízhí zhīhòu, Guómíndǎng jiāng zànshí yóu Lián Zhàn rèn dàI zhǔxí, jiàohòu shí cáI huì gǎixuǎn xīn lǐngdǎo céng.
[Pada] [Li Denghui] [meletak jawatan] [punya] [kemudian], [parti Kuomintang] [akan] [sementara waktu] [dari] [Lian Zhan] [menjadi] [pengganti] [pengerusi], [lebih] [kemudian] [masa] [akan] [boleh] [pilihan raya] [baru] [pemimpin] [lapisan].
(Selepas Li Denghui meletak jawatan, Lian Zhan akan menjadi pengganti pengerusi sementara untuk parti Kuomintang, perlantikan lapisan pemimpin yang baru akan diadakan kemudian.)

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

J4: Jenis menaik

Contoh 4.4:

他们不但应该敬业乐业，更要有不断学习的干劲。(E13)
Tāmen búdàn yīnggāi jìngyè-lèyè, gèng yào yǒu búduàn xuéxí de gànjìn.
[Mereka] [bukan sahaja] [perlu][sepenuh minat terhadap pekerjaan], [lebih][perlu] [ada] [tidak putus asas] [belajar] [punya] [semangat].
(Mereka bukan sahaja perlu mempunyai sepenuh minat terhadap pekerjaan, malah perlu mempunya semangat belajar yang gigih.)

J5: Jenis peralihan

Contoh 4.5:

公务员的特点是工作轻松，但薪金欠理想。(E14)
Gōngwùyuán de tèdiǎn shì gōngzuò qīngsōng, dàn xīnjīn qiàn lǐxiǎng.
[Pegawai kerajaan] [punya] [ciri] [adalah] [kerja] [senang], [tetapi] [gaji] [kurang] [ideal].
(Ciri-ciri pegawai kerajaan adalah kerjanya senang tetapi gajinya kurang ideal.)

J6: Jenis anggapan

Contoh 4.6:

因此，如果一切顺利，园丘工人的月薪制在不久之后就会实施。(E20)
Yīncǐ, rúguǒ yíqiè shùnlì, yuánqiū gōngrén de yuèxīnzhì zài bùjiǔ zhīhòu jiù huì shíshī.
[Maka], [jika] [semua] [lancar], [kebun] [pekerja] [punya] [sistem gaji bulanan] [pada] [tidak lama] [kemudian] [akan] [boleh] [laksana].
(Maka, jika semua lancar, sistem gaji bulanan pekerja kebun akan dilaksanakan tidak lama nanti.)

J7: Jenis syarat

Contoh 4.7:

种种的疑问，都要等待4月1日投票后，才有分晓。(E1)
Zhǒngzhǒng de yíwèn, dōu yào děngdài sì yuè yī rì tóupiào hòu, cái yǒu fēnxiǎo.
[Pelbagai] [punya] [soalan], [semua] [hendak] [menunggu] [April] [bulan] [satu] [hari] [mengundi] [kemudian], [baru] [ada] [jawapan].
(Pelbagai soalan akan dijawab hanya selepas pengundian iaitu sehingga 1hb April.)

J8: Jenis sebab akibat

Contoh 4.8:

由于新加坡生活水准高，物价也相应的水涨船高。(E17)
Yóuyú Xīnjiāpō shēnghuó shuǐzhǔn gāo, wùjià yě xiāngyìng de shuǐzhǎng-chuángāo.
[Oleh sebab] [Singapura] [kehidupan] [taraf] [tinggi], [harga barang] [juga] [sepadan] [punya] [kapal menaik apabila air pasang].
(Oleh sebab taraf kehidupan di Singapura adalah tinggi, harga barangan juga bersepadan tinggi seperti kapal menaik apabila air pasang.)

J9: Jenis bertujuan

Contoh 4.9:

当局为了吸引更多华裔青年男女加入警界服务，已经做了很多工作。(E4)
Dāngjú wèile xīyǐn gèng duō huáyì qīngnián nán nǚ jiārù jǐngjiè fúwù, yǐjīng zuòle hěn duō gōngzuò.
[Pihak berkenaan] [demi] [menarik] [lebih][ramai][bangsa Cina] [pemuda] [lelaki] [perempuan] [menyertai] [bidang polis] [berkhidmat],[sudah] [laku] [partikel] [sangat][banyak] [kerja].
(Demi menarik lebih ramai pemuda pemudi bangsa Cina menyertai bidang anggota polis, pihak berkenaan sudah banyak berusaha.)

J10: Jenis keterangan

Contoh 4.10:

当然，北京会对陈水扁“观其行”，注意他所推行的政策是否乖离它所理解的“一个中国”的立场。(E16)
Dāngrán, Běijīng huì duì Chén Shuǐbiǎn "guān qí xíng", zhùyì tā suǒ tuīxíng de zhèngcè shìfǒu guāilí tā suǒ lǐjiě de "yí gè Zhōngguó" de lìchǎng.
[Memang], [Beijing] [akan] [terhadap] [Chen Shuibian] "[memerhati] [dia] [gerakan] ", [mengambil perhatian] [dia] [yang] [mempraktik] [punya] [dasar politik] [atau tidak] [menyeleweng] [ia] [yang] [pemahaman] [punya] "[satu] [buah] [China] " [punya][pendirian].
(Memang, Beijing "memerhati gerakan " Chen Shuibian dan mengambil perhatian ke atas dasar politik yang dipraktikkannya sama ada ia menyeleweng daripada apa yang difahami tentang pendirian "sebuah negara China" .)

Rajah 4.3 Peratusan Jenis Ayat Majmuk Ringkas



Rajah 4.3 pula menunjukkan peratusan penggunaan ayat majmuk ringkas mengikut jenis. Berdasarkan Jadual 4.3 (halaman 79) dan Rajah 4.3, jenis ayat majmuk ringkas yang mempunyai kekerapan penggunaan yang paling tinggi ialah jenis sebab akibat iaitu 47 deretan ayat (29.0%) diikuti dengan jenis anggapan iaitu 30 deretan ayat (18.5%), jenis setara dan jenis bertujuan iaitu masing-masing sebanyak 19 deretan ayat (11.7%), jenis peralihan iaitu 18 deretan ayat (11.1%), jenis menaik iaitu 14 deretan ayat (8.6%), jenis syarat iaitu 7 deretan ayat (4.3%), jenis berterusan iaitu 5 deretan ayat (3.1%), jenis keterangan iaitu 2 deretan ayat (1.2%) dan jenis pilihan ialah satu deretan ayat sahaja (0.6%) .

Umumnya, editorial merupakan ruangan khas untuk membincangkan isu-isu semasa. Penulis-penulis biasanya banyak memberikan pandangan

persendirian serta menghuraikan sebab-sebab dan kesan-kesan yang berlaku serta meramalkan kemungkinan yang boleh terjadi. Maka jenis ayat sebab akibat dan jenis anggapan memainkan peranan penting dalam penulisan editorial *Sin Chew Daily*. Hal ini dibuktikan dengan jumlah jenis sebab akibat (28.7%) dan jenis anggapan (18.3%) meliputi hampir separuh daripada keseluruhan ayat iaitu 47 %.

4.2.4 Jenis-jenis Ayat Majmuk Kompleks

Jadual 4.4 menunjukkan kekerapan penggunaan ayat majmuk kompleks mengikut jenis-jenisnya, manakala Rajah 4.4 pula menunjukkan peratusan penggunaan ayat majmuk kompleks mengikut jenis. Analisis ini mengkategorikan ayat majmuk kompleks kepada 4 jenis iaitu ayat majmuk komplek 2 lapis, 3 lapis, 4 lapis dan 5 lapis.

Jadual 4.4 Jenis Ayat Majmuk Kompleks

Editorial	2 Lapis	3 Lapis	4 Lapis	5 Lapis	Jumlah	Peratusan
1	2	6	2	1	11	6.6
2	5	5	1	0	11	6.6
3	2	6	1	0	9	5.4
4	7	2	0	0	9	5.4
5	6	5	0	0	11	6.6
6	6	4	1	0	11	6.6
7	4	1	1	0	6	3.6
8	5	2	0	0	7	4.2
9	5	0	0	0	5	3.0
10	9	2	0	2	13	7.8
11	5	3	3	0	11	6.6
12	8	0	0	0	8	4.8
13	5	3	2	0	10	6.0
14	4	5	1	0	10	6.0
15	4	0	0	0	4	2.4
16	7	1	1	0	9	5.4
17	7	1	0	0	8	4.8
18	3	0	0	0	3	1.8
19	5	2	0	0	7	4.2
20	2	0	1	0	3	1.8
Jumlah	101	48	14	3	166	100

Rajah 4.4 Peratusan Jenis Ayat Majmuk Kompleks



Daripada jumlah 166 deretan ayat majmuk kompleks yang dikumpul, 101 deretan ayat (60.8%) ialah ayat majmuk kompleks 2 lapis. Angka ini telah meliputi lebih daripada separuh daripada jumlah penggunaan ayat majmuk kompleks yang telah dikumpul. Selain itu, 48 deretan ayat (28.9%) ialah ayat majmuk kompleks 3 lapis, 14 deretan ayat (8.4%) ialah ayat majmuk kompleks 4 lapis dan hanya 3 deretan ayat (1.8%) ialah ayat majmuk kompleks 5 lapis.

4.2.5 Rumusan

Daripada 20 teks editorial yang dikumpul daripada ruangan editorial akhbar *Sin Chew Daily*, sebanyak 328 deretan ayat daripada kesemua 563 deretan ayat ialah ayat majmuk iaitu 58.3%. Ini jelas menunjukkan kekerapan penggunaan ayat majmuk adalah lebih tinggi dalam editorial berbandingkan dengan penggunaan ayat tunggal. Ayat-ayat yang panjang disambung dengan pelbagai kata hubung atau tanda baca untuk menggambarkan pendapat penulis

lidah pengarang dengan lebih sempurna. Ini ialah salah satu ciri laras bahasa akhbar yang penting.

Jadual 4.5 merupakan kekerapan ayat majmuk dalam editorial yang dikumpul. Ayat majmuk ringkas dianggap sebagai ayat majmuk satu lapis iaitu ayat majmuk yang teringkas.

Jadual 4.5 Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk Mengikut Lapisan

Jenis ayat majmuk	Kekerapan	Peratusan
Ayat majmuk ringkas / 1 lapis	*162*	*49.4*
Ayat majmuk kompleks		
2 lapis	101	30.8
3 lapis	48	14.6
4 lapis	14	4.3
5 lapis	3	0.9
Jumlah	328	100

Secara perbandingan, ayat majmuk ringkas yang terdiri daripada 1 lapis mempunyai kekerapan yang paling tinggi dalam keseluruhan sampel kajian. Jumlah penggunaan jenis ayat ini ialah 162 deretan ayat iaitu mencatat 49.4 % daripada jumlah keseluruhan ayat majmuk 328 deretan yang dikumpul dalam kajian ini. Jumlah ini hampir meliputi separuh daripada keseluruhan 328 deretan ayat kerana jenis ayat ini mudah dibina dan dapat menggambarkan perkara yang ingin dipaparkan. Jenis ayat majmuk yang mempunyai kekerapan kedua tinggi ialah ayat majmuk kompleks jenis 2 lapis iaitu kekerapan penggunaan sebanyak 101 deretan ayat (30.8%). Daripada analisis yang diperoleh, kekerapan penggunaan ayat majmuk kompleks jenis 5 lapis adalah yang paling rendah. Jenis ayat 5 lapis merupakan ayat yang panjang lebar yang jarang digunakan oleh penulis. Mengikut keputusan analisis yang dilakukan ke atas sampel yang dikumpulkan, penggunaan jenis ayat majmuk ini hanya terdiri daripada 3

deretan ayat atau 0.9%. Semakin banyak lapisan ayat majmuk semakin kurang kekerapan penggunaannya. Sebab pertama ialah agak susah untuk membina ayat yang berlapis-lapis. Sebab kedua ialah kerana mudah melakukan kesalahan tatabahasa. Tambahan pula, bahasa akhbar memerlukan ayat yang mudah difahami. Penggunaan ayat yang berbelit-belit tidak digalakkan. Jika tidak, ayat majmuk yang digunakan tidak dapat memainkan peranan utama iaitu menyampaikan maklumat. Ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk 2 lapis merupakan corak ayat majmuk yang sangat sesuai dalam editorial *Sin Chew Daily*.

4.3 Analisis Kekerapan Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk

Seterusnya kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian 2 .

Soalan Kajian 2:

Adakah kesalahan bahasa khususnya tentang ayat majmuk wujud dalam editorial *Sin Chew Daily*?

Kesalahan-kesalahan bahasa dalam penggunaan ayat majmuk boleh dikategorikan kepada jenis-jenis berikut:

i. Kekurangan Hubungan Erat antara Klausa

ii. Kekeliruan Struktur dan Ketidakjelasan Lapisan Ayat

iii. Kesalahan Penggunaan Kata Hubung

   a. Penyalahgunaan Kata Hubung

   b. Ketidaksesuaian Kolokasi Kata Hubung

   c. Ketidaksesuaian Kedudukan Kata Hubung

   d. Kekurangan Kata Hubung

Sebenarnya, terdapat juga kesalahan-kesalahan lain seperti kesalahan dari aspek fonologi, filologi, leksikologi dan semantik tetapi ini tidak akan dibincangkan dalam kajian ini kerana kajian ini ditumpukan kepada bidang sintaksis sahaja. Pengkaji hanya memberikan tumpuan kepada tiga jenis kesalahan bahasa seperti yang disebut di atas kerana ketiga-tiga jenis kesalahan bahasa tersebut berkait rapat dengan peraturan berkenaan susunan kata dalam ayat majmuk. Antara ketiga-tiga jenis kesalahan bahasa, kesalahan kata hubung boleh dikategorikan pula kepada empat jenis. Terdapat lebih daripada satu jenis kesalahan bahasa dalam sebilangan ayat (sila rujuk lampiran III dan IV).

Jadual 4.6 : Kekerapan Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk Ringkas

No	Jenis-jenis kesalahan		Jumlah	Peratusan
1	Kekurangan Hubungan Erat antara Klausa		2	10.5 %
2	Kekeliruan Struktur dan Ketidakjelasan Lapisan Ayat		0	0
3	Kesalahan Penggunaan Kata Hubung		17	89.5 %
	• Penyalahgunaan Kata Hubung	2		
	• Ketidaksesuaian Kolokasi Kata Hubung	12		
	• Ketidaksesuaian Kedudukan Kata Hubung	3		
	• Kekurangan Kata Hubung	0		
	Jumlah		19	100 %

Keputusan kekerapan kesalahan bahasa dalam ayat majmuk ringkas ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Keputusan ini menunjukkan bahawa jumlah kesalahan yang dilakukan dalam penggunaan ayat majmuk ringkas adalah 19 kali. Kekerapan kesalahan yang tertinggi ialah kesalahan penggunaan kata hubung iaitu 17 kali (89.5%). Kesalahan kekurangan hubungan erat antara klausa mencatatkan 10.5%. Tidak ada terdapat kesalahan jenis kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat dalam

penggunaan ayat majmuk ringkas. Ini kerana ayat majmuk ringkas hanya mempunyai satu lapis maka tidak akan wujud kesalahan kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat.

Kekerapan kesalahan penggunaan kata hubung yang tertinggi ialah ketidaksesuaian kolokasi kata hubung adalah 12 kali (63.2%) daripada jumlah kesalahan bahasa (19 kali). Diikuti oleh penyalahgunaan kata hubung sebanyak 2 kali (10.5%) dan ketidaksesuaian kedudukan kata hubung iaitu 15.8 %.

Jadual 4.7 : Kekerapan Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk Kompleks

No	Jenis-jenis kesalahan		Jumlah	Peratusan
1	Kekurangan Hubungan Erat antara Klausa		1	3.1 %
2	Kekeliruan Struktur dan Ketidakjelasan Lapisan Ayat		3	9.4%
3	Kesalahan Penggunaan Kata Hubung		28	87.5 %
	• Penyalahgunaan Kata Hubung	4		
	• Ketidaksesuaian Kolokasi Kata Hubung	20		
	• Ketidaksesuaian Kedudukan Kata Hubung	3		
	• Kekurangan Kata Hubung	1		
	Jumlah		32	100 %

Jadual 4.7 menunjukkan sejumlah 32 kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat majmuk kompleks. Kekerapan kesalahan yang tertinggi ialah kesalahan penggunaan kata hubung iaitu 28 kali (87.5%) diikuti dengan kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat iaitu 3 kali (9.4%) , dan kekurangan hubungan erat antara klausa hanya sekali (3.1%) sahaja.

Antara keempat-empat jenis kesalahan yang melibatkan penggunaan kata hubung, kekerapan kesalahan penggunaan kata hubung yang tertinggi ialah ketidaksesuaian kolokasi kata hubung iaitu sebanyak 20 kali (62.5%) daripada jumlah kesalahan (32 kali). Diikuti oleh penyalahgunaan kata hubung iaitu 4 kali (12.5%) dan ketidaksesuaian kedudukan kata hubung iaitu 3 kali (9.4%). Kesalahan kata hubung yang mencatatkan kekerapan yang terendah ialah kekurangan kata hubung iaitu hanya melibatkan 1 kali (3.1%) sahaja daripada jumlah kesalahan bahasa dalam ayat majmuk kompleks.

Rajah 4.5 Peratusan Kekerapan Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk (Ringkas dan Kompleks)



Petunjuk:
Jumlah kekerapan: 51 kali
K1: Kekurangan Hubungan Erat antara Klausa
K2: Kekeliruan Struktur dan Ketidakjelasan lapisan Ayat
K3: Kesalahan Penggunaan Kata Hubung

Rajah 4.5 menunjukkan peratusan kekerapan kesalahan bahasa dalam ayat majmuk secara keseluruhan. Jumlah keseluruhan ini terdiri daripada kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks. Jumlah kekerapan kesalahan bahasa yang terdapat ayat majmuk secara keseluruan ialah 51 kali. Rajah 4.5 menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan kata hubung adalah tertinggi iaitu 88.2%, diikuti oleh kekurangan hubungan erat antara klausa sebanyak 8.2%, dan kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat masing-masing ialah 5.9%.

Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kesalahan bahasa dalam ayat majmuk berkaitan rapat dengan penggunaan kata hubung. Dengan ini, kita boleh mengatakan bahawa peranan kata hubung adalah penting walaupun tidak semestinya wujud dalam setiap ayat majmuk. Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan kata hubung yang tepat bukan sahaja melicinkan ayat majmuk, malah dapat menonjolkan makna ayat majmuk dengan lebih sistematik dan jelas kepada pembaca.

4.3.1 Jenis-jenis Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk

Jenis-jenis kesalahan bahasa dalam ayat majmuk ringkas dan ayat majmuk kompleks telah disenaraikan di bahagian lampiran III dan lampiran IV. Berikut ialah contoh-contoh kesalahan mengikut jenis-jenis kesalahan bahasa dalam ayat majmuk.

4.3.1.1 Kekurangan Hubungan Erat antara Klausa

Jenis kesalahan kekurangan hubungan eret antara klausa ialah 3 kali (5.9%). Antaranya ayat majmuk ringkas mencatatkan 3.9% manakala ayat majmuk kompleks hanya mencatatkan 2.0% sahaja.

Contoh 4.9:

包括华小的学校、设备以及师资严重不足；南方学院和新纪元学院的注册面对问题等等。(E19)

Bāokuò huáxiǎo de xúexiào, shèbèi yǐjí shīzī yánzhòng bù zú; Nánfāng Xuéyuàn hé Xīnjìyuán Xuéyuàn de zhùcè miànduì wèntí děngdeng.

[Termasuk] [sekolah rendah Cina] [puna] [sekolah], [kemudahan] [dan] [tenaga guru] [teruk] [tidak] [cukup]; [Kolej Selatan] [dan] [Kolej New Era] [punya] [pendaftaran] [mengadapi] [masalah] [lain-lain].

(Termasuk sekolah rendah Cina menghadapi kekurangan bilangan sekolah, kemudahan sekolah dan tenaga guru yang tidak cukup, dan Kolej Selatan serta Kolej New Era juga menghadapi masalah pendaftaran dan lain-lain masalah.)

Ayat yang gramatis:

***除了**华小的学校、设备以及师资严重不足**以外**，南方学院和新纪元学院的**注册方面也面对问题**。*

Chú·le huáxiǎo de xúexiào, shèbèi yǐjí shīzī yánzhòng bù zú yǐwài, Nánfāng Xuéyuàn hé Xīnjìyuán Xuéyuàn de zhùcè fāngmiàn yě miànduì wèntí.

[Kecuali] [sekolah rendah(Cina)] [puna] [sekolah], [kemudahan] [dan] [tenaga guru] [teruk] [tidak] [cukup][selain]; [Kolej Selatan] [dan] [Kolej New Era] [punya] [pendaftaran] [segi][jiga][mengadapi] [masalah].

(Selain daripada sekolah rendah Cina menghadapi kekurangan bilangan sekolah, kemudahan sekolah dan tenaga guru yang tidak cukup, Kolej Selatan dan Kolej New Era juga menghadapi masalah pendaftaran.)

Penjelasan: Klausa pertama dan klausa kedua tidak mempunyai hubungan makna yang rapat. Kata kerja "包括" *bāokuò* (termasuk) tidak sesuai diletakkan di permulaan ayat. Kata depan除了……以外*Chú·le… …yǐwài* (selain daripada itu) digantikan dengan kata kerja tersebut. "南方学院和新纪元学院的注册面对问题等等" *Nanfang Xuéyuàn hé Xinjiyuan Xuéyuàn de zhùcè miànduì wèntí děngdeng* (Kolej Selatan serta Kolej New Era juga menghadapi masalah pendaftaran dan lain-lain masalah) dikemaskinikan menjadi "南方学院和新纪元学院

的注册方面也面对问题" *Nánfāng Xuéyuàn hé Xīnjìyuán Xuéyuàn de zhùcè fāngmiàn yě miànduì wèntí* (Kolej Selatan dan Kolej New Era juga menghadapi masalah pendaftaran) supaya mempunyai hubungan makna yang rapat dengan klausa pertama, dengan syarat tidak menjejaskan makna asal kedua-dua klausa tersebut.

Contoh 4.10 :

新山和柔佛州南部的市镇有各种特别风味的小食，更有各种海鲜，许多食客是新加坡人。(E17)
Xīnshān hé Róufō zhōu nán bù de shìzhèn yǒu gèzhǒng tèbié fēngwèi de xiǎoshí, gèng yǒu gè zhóng hǎixiān, xǔduō shíkè shì Xīnjiāpō rén.
[Jahor Bahru] [dan] [Johor] [negeri][selatan] [bahagian] [punya] [pekan][ada][masing-masing] [jenis] [istimewa] [rasa] [punya] [kudapan], [juga] [ada] [beberapa jenis] [makanan laut], [ramai] [pelanggan] [ialah] [Singapura] [orang].
(Pekan di Johor Bahru dan bahagian selatan negeri Johor mempunyai pelbagai rasa kudapan , juga mempunyai pelbagai jenis makanan laut, ramai pelanggan adalah rakyat Singapura.)

Ayat yang gramatis:

新山和柔佛州南部的市镇有各种特别风味的小食，更有各种海鲜，*而*许多食客是新加坡人。
Xīnshān hé Róufō zhōu nán bù de shìzhèn yǒu gè zhǒng tèbié fēngwèi de xiǎoshí, gèng yǒu gè zhóng hǎixiān, ēr xǔduō shíkè shì Xīnjiāpō rén.
[Jahor Bahru] [dan] [Johor] [negeri][selatan] [bahagian] [punya] [pekan][ada][masing-masing] [jenis] [istimewa] [rasa] [punya] [kudapan], [juga] [ada] [beberapa jenis] [makanan laut], [malah][ramai] [pelanggan] [ialah] [Singapura] [orang].
(Pekan di Johor Bahru dan bahagian selatan negeri Johor mempunyai pelbagai rasa kudapan , terutamanya pelbagai jenis makanan laut, malah ramai pelanggan adalah rakyat Singapura)

Penjelasan: Klausa-klausa dalam ayat majmuk di atas tidak mempunyai hubungan makna yang erat. Kata hubung "而" *ēr* (malah) perlu ditambahkan di hadapan klausa ketiga untuk

mengeratkan lagi hubungan makna klausa ketiga dengan klausa-klausa lain dalam ayat ini demi memenuhi syarat pembentukan ayat majmuk bahasa Cina.

4.3.1.2 Kekeliruan Struktur dan Ketidakjelasan Lapisan Ayat

Kesalahan kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat hanya berlaku ke atas ayat majmuk kompleks yang mempunyai susunan ayat berlapis-lapis. Kekerapan kesalahan bahasa jenis ini ialah 3 kali (5.9%).

Contoh 4.11:

因为《哈拉卡》被政府规定每月只能取两期，被指为不民主，剥夺人民求知的权力。(E1)

Yīnwèi 《Hālākǎ》bèi zhèngfǔ guídìng měi yuè zhǐ néng qǔ liǎngqī, bèi zhǐwéi bù mínzhǔ, bōduó rénmín qiú zhī de quánlì.

[kerana][Harakah] [di-] [kerajaan] [menetapkan] [setiap] [bulan] [hanya] [boleh] [ambil] [dua terbitan], [di-] [tuduh] [sebagai] [tidak] [demokrasi], [merampas] [rakyat] [menuntut] [ilmu] [punya] [hak].

(Disebabkan penerbitan "Harakah" dihadkan oleh kerajaan sebanyak dua kali sahaja setiap bulan, dituduh sebagai tidak berdemokrasi dan merampas hak rakyat menuntut ilmu.)

Ayat yang gramatis:

因为《哈拉卡》被政府规定每月只能取两期，**所以政府**被指为不民主，剥夺人民求知的权力。

Yīnwèi 《Hālākǎ》bèi zhèngfǔ guídìng měi yuè zhǐ néng qǔ liǎngqī, suǒí zhèngfǔ bèi zhǐwéi bù mínzhǔ, bōduó rénmín qiú zhī de quánlì.

*[kerana][Harakah][di-][kerajaan][menetapkann] [setiap][bulan] [hanya][boleh] [ambil] [dua terbitan], **[maka] [kerajaan]** [di-] [tuduh] [sebagai] [tidak] [demokrasi], [merampas] [rakyat] [menuntut] [ilmu] [punya] [hak].*

*(Disebabkan penerbitan "Harakah" dihadkan oleh kerajaan sebanyak dua kali sahaja dalam sebulan, **maka kerajaan** dituduh sebagai tidak berdemokrasi dan merampas hak rakyat menuntut ilmu.)*

(Contoh 4.11, sambungan)

Penjelasan: Subjek klausa kedua iaitu "政府" *zhèngfǔ* (kerajaan) telah digugurkan. Ini menyebabkan kekeliruan struktur berlaku. Kekaburan struktur berlaku kerana pembaca akan salah faham bahawa "Harakah" dituduh tidak berdemokrasi dan merampas hak rakyat dalam menuntut ilmu. Sebenarnya, ayat ini bermaksud kerajaan menghadkan rakyat hanya boleh mengambil dua terbitan "Harakah" setiap bulan, maka rakyat menuduh kerajaan tidak berdemokrasi dan merampas hak penuntutan ilmu. Maka klausa kedua perlu ditambahkan subjek "kerajaan". Di samping itu, kata hubung "因为" *yīnwèi* (kerana) wujud di klausa pertama, jadi klausa kedua perlu ditambahkan "所以" *suǒyǐ* (maka).

Contoh 4.12:

最近，由于观看寰宇电视的中文节目，被一些马来报章特意渲染，甚至把它扯到华人效忠的问题，引起华社普遍不满。(E1)

Zuijìn, yóuyú guānkàn Huányǔ diànshì de zhōngwén jiémù, bèi yìxiē mǎlái bàozhāng tèyì xuànrǎn, shènzhì bā tā chédào huárén xiàozhōng de wèntí, yǐnqǐ huáshè pǔbiàn bùmǎn.

[Kebelakangan ini], [oleh sebab] [menonton] [ASTRO] [televisyen] [punya] [bahasa Cina] [rancangan], [oleh] [sesetengah] [Melayu] [surat akhbar] [sengaja] [menghebohkan], [bahkan] [pratikel] [ia] [mengaitkan] [kepada] [kaum Cina] [taat] [punya] [masalah], [timbul] [masyarakat Cina] [secara am] [tidak puas hati].

(Kebelakangan ini, disebabkan menonton rancangan televisyen ASTRO yang berbahasa Cina, perkara ini sengaja diheboh-hebohkan oleh surat khabar bahasa Melayu, bahkan dikaitkan dengan masalah taat setia kaum Cina, dan keadaan ini telah menimbulkan ketidakpuasan masyarakat Cina secara amnya.)

(Contoh 4.12, sambungan)

Ayat yang gramatis :

最近，由于**华人**观看寰宇电视的中文节目，被一些马来报章特意渲染，甚至把它扯到华人效忠的问题，**因此**引起华社普遍不满。

*Zuìjìn, yóuyú **huárén** guānkàn Huányǔ diànshì de zhōngwén jiémù, bèi yìxiē mālái bàozhāng tèyì xuānrǎn, shènzhì bǎ tā chédào huárén xiàozhōng de wèntí, **yǐnqǐ** huáshè pǔbiàn bùmǎn.*

*[Kebelakangan ini], [oleh sebab] [**kaum Cina**] [menonton] [ASTRO] [televisyen] [punya] [bahasa Cina] [rancangan], [oleh] [sesetengah] [Melayu] [surat akhbar] [sengaja] [menghebohkan], [bahkan] [pratikel] [ia] [mengaitkan] [kepada] [kaum Cina] [taat] [punya] [masalah],[**maka**] [timbul] [masyarakat Cina] [secara am] [tidak puas hati].*

*(Kebelakangan ini, disebabkan **kaum Cina** menonton rancangan televisyen ASTRO yang berbahasa Cina, perkara ini telah sengaja diheboh-hebohkan oleh surat khabar bahasa Melayu, bahkan dikaitkan dengan masalah taat setia kaum Cina, **maka** keadaan ini telah menimbulkan ketidakpuasan masyarakat Cina secara amnya.)*

Penjelasan: Kehilangan subjek dalam klausa pertama menyebabkan ketidakjelasan makna kerana berlaku kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat. "华人" *huárén* (kaum Cina) perlu ditambahkan dalam kluasa pertama supaya tahu siapa yang menonton rancangan tersebut. Ayat ini juga mempunyai kesalahan kolokasi kata hubung. "因此" *yǐnqǐ* (maka) perlu ditambah pada ayat majmuk ini untuk melengkapkan kolokasi kata hubung awalan "由于" *yóuyú* (oleh sebab).

4.3.1.3 Kesalahan Penggunaan Kata Hubung

Kesalahan penggunaan kata hubung mempunyai kekerapan kesalahan yang tertinggi, iaitu 45 kali (88.2%). Jumlah kekerapan kesalahan kata hubung dalam ayat ringkas ialah 17 kali (33.3%),

dan jumlah kekerapan kesalahan kata hubung dalam ayat majmuk kompleks pula mencapai 28 kali (55.0%).

i. Penyalahgunaan Kata Hubung

Kekerapan penyalahgunaan kata hubung dalam ayat majmuk ringkas ialah 2 kali (3.9%) dan kekerapan penyalahgunaan kata hubung dalam ayat majmuk kompleks ialah 4 kali (7.8%).

Contoh 4.13 :

总的来说，他对于台湾的民主进程的确有一定的贡献，以致外国传媒给予他“民主先生”的称号。(E3)

Zǒng de lái shuō, tā duìyú Táiwān de mínzhǔ jìnchéng díquè yǒu yíding de gòngxiàn, yízhì wàiguó chuánméi gěiyū tā "Mínzhǔ xiānshēng" de chēnghào.

[Secara keseluruhan], [beliau] [dengan] [Taiwan] [punya] [demokrasi] [kemajuan] [memang] [ada] [tentu] [punya] [sumbangan], [sehingga] [luar negara] [media] [memberi] [beliau] ["encik demokrasi"] [punya] [gelaran].

(Secara keseluruhannya, beliau memang mempunyai sumbangan tertentu kepada kemajuan demokrasi Taiwan sehingga beliau diberi gelaran "Encik Demokrasi" oleh pihak media massa dari luar negara.)

Ayat yang gramatis:

总的来说，他对于台湾的民主进程的确有一定的贡献，以至外国传媒给予他“民主先生”的称号。

Zǒng de lái shuō, tā duìyú Táiwān de mínzhǔ jìnchéng díquè yǒu yíding de gòngxiàn, yízhì wàiguó chuánméi gěiyū tā "Mínzhǔ xiānshēng" de chēnghào.

[Keseluruhan][punya] [datang] [kata], [beliau] [dengan] [Taiwan] [punya] [demokrasi] [kemajuan] [memang] [ada] [tentu] [punya] [sumbangan], [sehingga] [luar negara] [media] [memberi] [beliau] ["encik demokrasi"] [punya] [gelaran].

(Secara keseluruhannya, beliau memang mempunyai sumbangan tertentu kepada kemajiuan demokrasi Taiwan sehingga beliau diberi gelaran "Encik Demokrasi" oleh pihak media massa dari luar negara.)

(Contoh 4.13, sambungan)

Penjelasan: Kata hubung dalam ayat contoh 4.13 iaitu "以致" *yízhì* (*sehingga*) perlu ditukar kepada "以至" *yízhì* (*sehingga*). Walaupun kedua-duanya mempunyai sebutan dan makna yang sama tetapi penggunaannya berbeza. Ini kerana, "以致" *yízhì* adalah untuk menyatakan kesan yang buruk atau tidak baik, manakala "以至" *yízhì* boleh digunakan untuk kesan yang baik atau buruk. Di sini, gelaran yang diberikan merujuk satu pujian, maka adalah lebih tepat jika "以至" *yízhì* digunakan. Sila rujuk ke halaman 41 untuk penjelasan yang lebih terperinci.

Contoh 4.14 :

虽然这一场补选，并不会威胁到彭亨州国阵的执政权，可是，国阵自上到下，都不敢掉以轻心，视之为守土的生死战，与民意倾向的探测表。(E1)

Suīrán zhè yìchǎng bǔxuǎn, bìng búhuì wēixié dào Pénghēng zhōu guózhèn de zhízhèngquán, kěshì, guózhèn zì shàng dào xià, dōu bù gǎn diaòyìqīngxīn, shì zhī wéi shǒutǔ de shēngsǐzhàn, yǔ mínyì qīngxiāng de tàncebiǎo.

[walaupun] [ini] [satu] [pilihan raya kecil], [dan] [tidak][akan] [mengancam] [pelengkap] [Pahang] [negeri] [Barisan Nasional] [punya] [kuasa pemerintahan], [tetapi] [Barisan Nasional] [dari] [atas] [ke] [bawah], [semua] [tidak] [berani] [meringankan hati] [memandangkannya] [sebagai] [menjaga tanah] [punya] [perang hidup-mati],

[dan] [kehendak rakyat] [mencenderung] [punya] [jadual penyelidikan]

(Walaupun ini merupakan pilihan raya kecil dan tidak mengancam kuasa pemerintah Barisan National di negeri Pahang, namun, Barisan Nasional tidak memandang ringan atas pilihan raya tersebut dan memandangkannya sebagai satu peperangan yang penting untuk tanah pertahanan, dan sebagai jadual penyelidikan kecenderungan kehendak rakyat.)

(Contoh 4.14, sambungan)

Ayat yang gramatis:

虽然这一场补选，并不会威胁到彭亨州国阵的执政权，可是，国阵自上到下，都不敢掉以轻心，视之为守土的生死战，***以及***民意倾向的探测表。

Suīrán zhè yìchǎng bǔxuǎn, bìng búhuì wēixié dào Pénghēng zhōu guózhèn de zhízhèngquán, kěshì, guózhèn zì shàng dào xià, dōu bùgǎn diaòyǐqīngxīn, shì zhī wéi shǒutǔ de shēngsǐzhàn, yǐjí mínyì qīngxiāng de tàncebiǎo.

*[Walaupun] [ini] [satu] [pilihan raya kecil], [dan] [tidak] [akan] [mengancam] [pelengkap] [Pahang] [negeri] [Barisan Nasional] [punya] [kuasa pemerintahan], [tetapi] [Barisan Nasional] [dari] [atas] [ke] [bawah], [semua] [tidak] [berani] [meringankan hati] [memandangkannya] [sebagai] [menjaga tanah] [punya] [perang hidup mati], [**dan**] [kehendak rakyat] [mencenderung] [punya] [jadual penyelidikan].*

*(Walaupun ini merupakan pilihan raya kecil dan tidak mengancam kuasa pemerintahan Barisan National di negeri Pahang, namun, Barisan Nasional tidak memandang ringan atas pilihan raya tersebut dan memandangkannya sebagai satu peperangan yang penting untuk tanah pertahanan, **dan** sebagai jadual penyelidikan kecenderongan kehendak rakyat.)*

Penjelasan: Walaupun kata hubung "与" *yǔ* (dan) dan kata hubung "以及" *yǐjí* (dan) sama makna, namun masing-masing mempunyai kegunaan yang berlainan. Kata hubung "与" *yǔ* biasanya digunakan dalam tajuk buku dan tajuk esei, manakala salah satu sifat "以及" *yǐjí* ialah kata ini boleh digunakan selepas tanda koma yang berfungsi untuk menghubungkan klausa. Sila rujuk ke halaman 41 untuk penjelasan yang lebih terperinci.

ii. Ketidaksesuaian Kolokasi Kata Hubung

Ketidaksesuaian kolokasi kata hubung mencapai kekerapan yang paling tinggi dalam kesalahan penggunaan ayat. Ayat majmuk ringkas mempunyai kekerapan ketidaksesuaian kolokasi kata hubung sebanyak 12 kali (23.5%) dan kekerapan ayat majmuk kompleks melakukan kesalahan jenis ini sebanyaki 20 kali (39.2%).

Contoh 4.15:

他们不但应该敬业乐业，更要有不断学习的干劲。(E13)

Tāmen búdàn yīnggāi jìngyè-lèyè, gèng yào yǒu búduàn xuéxí de gànjìn.

[Mereka] [bukan sahaja] [perlu] [sepenuh minat terhadap pekerjaan], [lebih][perlu] [ada] [tidak putus asas] [belajar] [punya] [semangat].

(Mereka bukan sahaja perlu mempunyai sepenuh minat terhadap pekerjaan, malah perlu mempunyai semangat belajar yang gigih.)

Ayat yang gramatis:

他们*不但*应该敬业乐业，*而且*要有不断学习的干劲。

Tāmen búdàn yīnggāi jìngyè-lèyè, érqiě yào yǒu búduàn xuéxí de gànjìn.ganjin.

*[Mereka] **[bukan sahaja]** [perlu] [sepenuh minat terhadap pekerjaan], **[malah]**[perlu] [ada] [tidak putus asas] [belajar] [punya] [semangat].*

*(Mereka **bukan sahaja** perlu sepenuh minat terhadap pekerjaan, **malah** perlu mempunyai semangat belajar yang gigih.)*

Penjelasan: Kata hubung yang wujud berpasangan mempunyai kolokasi yang tertentu. Maka dalam ayat ini, kata hubung "不但" *búdàn* (bukan sahaja) tidak boleh diikuti oleh "更" *gèng* (lebih), sebaliknya perlu diikuti oleh "而且" *érqiě* (malah). Sila rujuk ke

halaman 38-40 untuk penjelasan yang lebih terperinci.

iii. Ketidaksesuaian Kedudukan Kata Hubung

Jumlah kesalahan bahasa jenis ketidaksesuaian kedudukan kata hubung ialah 6 kali, iaitu ayat majmuk ringkas 3 kali (5.9%) dan ayat majmuk kompleks 3 kali (5.9%).

Contoh 4.16:

虽然这个问题已经逐渐淡化，会不会影响华裔选民手中的一票呢？(E1)

Suīrán zhè ge wèntí yǐjīng zhújiàn dànhuà, huì bú huì yīngxiǎng huáyì xuǎnmín shǒuzhōng é yī piào ne?

[Walaupun] [ini] [soalan] [sudah] [semakin] [menyahmasinkan], [boleh] [tidak] [boleh] [mempengaruhi] [kaum Cina] [pemilih] [tangan] [dalam] [pengungdi] [satu] [undi] [partikel] ?

(Walaupun soalan ini sudah semakin menyahmasinkan., adakah soalan ini akan mempengaruhi undi calon yang mengundi.)

Ayat yang gramatis:

这个问题***虽然***已经逐渐淡化，***但是***会不会影响华裔选民手中的一票呢？

Zhè ge wèntí suīrán yǐjīng zhújiàn dànhuà, ***dànshì*** *huì bú huì yīngxiǎng huáyì xuǎnmín shǒuzhōng é yī piào ne?*

[Ini] [soalan] ***[walaupun]*** *[sudah] [semakin] [menyahmasinkan],* ***[tetapi*** *] [boleh] [tidak] [boleh] [mempengaruhi] [kaum Cina] [pemilih] [tangan] [dalam] [pengundi] [satu] [undi] [partikel] ?*

(Soalan ini ***walaupun*** *sudah semakin menyahmasinkan ,* ***tetapi*** *adakah soalan ini akan mempengaruhi undi calon yang mengundi.)*

Penjelasan: Jika kedua-dua klausa yang mempunyai subjek yang sama, maka kata hubung pada klausa pertama perlu diletakkan di belakang subjek, manakala subjek pada klausa kedua boleh digugurkan dan sebaliknya. Maka bagi ayat contoh 4.16, kata hubung pada klausa

pertama perlu dipindahkan ke belakang subjek kerana kedua-dua klausa mempunyai subjek yang sama. Sila rujuk ke halaman 40 untuk penjelasan yang terperinci.

iv. Kekurangan Kata Hubung

Kekurangan kata hubung hanya berlaku pada ayat majmuk kompleks dan merupakan kekerapan yang terendah dalam kesalahan bahasa yang berkaitan dengan kata hubung. Kekerapan kesalahan ini hanya sekali (2.0%).

Contoh 4.17:

金门等离岛地小，发展程度复受政治、军事条件影响落后于台湾甚多，百姓遇有急难重病，不能到几个小时路程对岸，却必须苦候回台的班机，因此而形成的困扰与民怨越积约深。(E2)

Jīnmén děng lí dǎo dì xiǎo, fāzhǎn chéngdù fù shòu zhéngzhì、jūnshì tiáojiàn yǐngxiǎng luòhòu yú Táiwān shèn duō, bǎixìng yù yǒu jínàn zhòngbìng, bùnéng dào jīgè xiǎoshí lùchéng duì' àn, què bìxū kǔ hòu huí Tái de bānjī, yīncǐ ér xíngchéng de kùnrǎo yǔ mínyuàn yuèjīyuèshēn.

[Jin Men] [dan lain-lain] [dari] [pulau] [tanah] [kecil], [perkembangan] [tahap] [lagi] [kena] [politik] , [ketenteraan] [syarat] [mempengaruhi] [jauh] [ketinggalan] [di] [Taiwan] [sangat][banyak] [rakyat] [menimpa] [ada] [kecemasan] [sakit tenat] [tidal boleh] [sampai] [beberapa] [jam] [perjalanan] [sebelahan tebing], [sebaliknya] [perlu] [susah] [tunggu] [pulang] [Taiwan] [punya] [kapal terbang], [maka] [membentuk] [punya] [kesulitan] [dan] [aduan rakyat] [semakin kumpul semakin dalam].

(Tanah Jin Men dan lain-lain tanah yang jauh dari pulau adalah kecil, tahap perkembangan selalu diganggu oleh aspek politik dan ketenteraan lagi, jauh ketinggalan di belakang Taiwan, rakyat yang ditimpa kecemasan atau sakit tenat tidak boleh sampai ke seberang yang hanya mengambil masa selama beberapa jam perjalanan, sebaliknya perlu menunggu kedatangan kapal terbang Taiwan dan keadaan ini menyebabkan ketidakpuasan rakyat yang semakin mendalam.)

(Contoh 4.17, sambungan)

Ayat yang gramatis :

金门等离岛***不但***地小，***而且***发展程度复受政治、军事影响***而***落后于台湾甚多，百姓遇有急难重病，不能到几个小时路程对岸，却必须苦候回台的班机，因此而形成的困扰及民怨越积越深。

*Jīnmén děng Lídǎo **búdàn** dì xiǎo, **érqiě** fāzhǎn chéngdù fù shòu zhéngzhì、jūnshì yǐngxiǎng **ér** luòhòu yú Táiwàn shēn duō, bǎixìng yù yǒu jínàn zhòngbìng, bùnéng dào jīgè xiǎoshí lùchéng duì' àn, què bìxū kǔ hòu huí Tái de bānjī, yīncǐ ér xíngchéng de kùnrǎo yǔ mínyuàn yuèjíyuèshēn.*

*[Jin Men] [dan lain-lain] [dari] [pulau] **[bukan sahaja]** [tanah] [kecil], **[tambahan pula]** [perkembangan] [tahap] [lagi] [kena] [politik] 、[ketenteraan] [mempengaruhi] **[malah]** [jauh] [ketinggalan][di][Taiwan][sangat][banyak] [rakyat] [menimpa] [ada] [kecemasan] [sakit tenat] [tidal boleh] [sampai] [beberapa] [jam] [perjalanan] [sebelahan tebing], [sebaliknya] [perlu] [tunggu dengan susah] [pulang] [Taiwan] [punya] [kapal terbang], [maka] [membentuk] [punya] [kesulitan] [dan] [aduan rakyat] [semakin kumpul semakin dalam].*

*(Tanah Jin Men dan lain-lain tanah yang jauh dari pulau **bukan sahaja** kecil, **tambahan pula** tahap perkembangannya selalu diggangu oleh aspek politik dan ketenteraan lagi, **malah** jauh ketinggalan di belakang Taiwan, rakyat yang ditimpa kecemasan atau sakit tenat tidak boleh sampai ke seberang yang hanya mengambil masa selama beberapa jam perjalanan, sebaliknya perlu menunggu kedatangan kapal terbang Taiwan dan keadaan ini menyebabkan ketidakpuasan rakyat yang semakin mendalam.)*

Penjelasan: Kekurangan kata hubung telah menyebabkan makna ayat tidak jelas, maka kata hubung "不但……而且" *búdàn …érqiě* (bukan sahaja…tambahan pula) dan kata hubung "而" *ér* (malah) telah digunakan untuk melicinkan ayat majmuk di atas.

4.4 Rumusan

Penggunaan ayat majmuk yang betul harus diberi perhatian kerana kesalahan bahasa dalam ayat majmuk menyebabkan ayat yang dibina itu menjadi tidak gramatis. Lidah pengarang yang bermutu bukan sahaja dinilai dari aspek isi kandungan sahaja, malah penggunaan binaan ayat yang betul, baik dan bervarias juga diambilkira. Keadaan ini amat diperlukan untuk menghasilkan sebuah editorial yang bermutu dari segi bahasa dan gaya penulisan. Dengan penguasaan bahasa yang baik, biasanya isi karangan dapat diungkapkan dan disampaikan dengan lebih baik dan berkesan.